

Hadi Awang sokong guna dinar emas

UM - 2
JULAI 2000

KUALA TERENGGANU 2 Julai—Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang menyokong usaha kerajaan menggunakan dinar emas dalam urusan perdagangan antarabangsa.

Bagaimanapun, katanya, usaha itu memerlukan kerjasama erat daripada negara-negara lain khususnya negara Islam bagi memastikan penggunaan mata wang itu dapat dilakukan secara lebih berkesan.

“Langkah itu merupakan tindakan yang positif kerana kita lihat negara-negara

Eropah . . . skndiri tidak lagi mahu bergantung kepada mata wang dolar Amerika.

“Usaha ini perlu diberi sokongan dan dokongan khususnya oleh negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC),” katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan Exco Kerajaan Negeri, di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa dinar emas akan menjadi pilihan transaksi perdagangan

sama seperti sistem perbankan Islam.

Menurut Dr. Mahathir, beberapa negara di Asia Barat telah menunjukkan minat melakukan perdagangan dengan Malaysia menggunakan dinar emas.

Abdul Hadi berkata, jika blok negara Eropah mampu mewujudkan perdagangan menggunakan mata wang Euro dalam keadaan tidak mempunyai sumber asli, negara-negara Islam tentunya boleh mengembangkan penggunaan mata wang dinar secara lebih kukuh dan menyeluruh. habis.